



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**17 Ogos 2017**

1. Filipino troops to cull thousands of fowl in bird flu battle; The Star page 28
2. Pelajar UniSZA dapat bimbingan penternak kambing; Berita Harian m/s V7
3. Askar bantu musnakan ayam; Harian Metro m/s 46
4. Sekat Komen sensitive mangsa wabak rabies; Harian Metro m/s 31

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input checked="" type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : ASEAN	M/SURAT: 28	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
17 OGOS 2017			

## Filipino troops to cull thousands of fowl in bird flu battle

**MANILA:** The Philippines will deploy hundreds of troops to hasten a cull of about 600,000 fowl, the farm minister said as part of efforts to rein in the South-East Asian nation's first outbreak of bird flu.

There has been no case of human transmission after the flu was detected on a farm in the province of Pampanga, about 75km north of

the capital Manila, but it has spread to about 36 other farms and nearly 40,000 birds have died.

"I have asked the Philippine army to provide us with additional warm bodies to help us in depopulating the farms," Agriculture Secretary Emmanuel Pinol told a news conference.

"Six hundred thousand is no mean job. Our personnel are facing

a difficult task and we lack people." Pinol said the government had about 200 men in the area, but fewer than 20,000 birds had been culled since the outbreak was reported.

Brigadier-General Rodel Mairo Alarcon said at least 300 soldiers would be sent to the province today to assist in the cull of chicken, quail and ducks.

"The Philippines army and the Armed Forces of the Philippines is 100% in support of this effort," Alarcon said.

Soldiers will be given protective gear and doses of a drug, Tamiflu, to guard them against possible infection.

Two sick farm workers from the area have tested negative for the virus, health ministry spokesman

Eric Tayag said.

Although the health ministry has yet to identify the specific strain of the virus that hit the Philippines, health and farm officials say initial tests have ruled out the highly pathogenic H5N1.

Samples are being sent to Australia for further testing to determine the presence of the N6 variety of the strain. — Reuters

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Usahawan Muda		M/SURAT: <input type="text" value="V7"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
17 OGOS 2017			

## Pelajar UniSZA dapat bimbingan penternak kambing

**Jertiq:** Walaupun tidak memiliki ijazah dalam bidang penternakan, kemampuan Kamaruddin Abd Latif, 46, menjadi usahawan kambing yang berjaya mendapat perhatian Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Beliau yang lebih mesra dipanggil Pak Din dari Kampung Kubang Depu dekat ini, ditawarkan menjadi jurulatih dalam jurusan Sains Pertanian dan Bioteknologi universiti itu, manakala ladang ternakannya dipilih sebagai pusat latihan untuk pelajar bidang berkeraaan.

Berdasarkan persefahaman dengan pihak UniSZA, beliau berkata,

pelajar terbabit akan mengikuti latihan praktikal di ladangnya mulai bulan depan.

"Saya difahamkan, ada 50 pelajar dalam bidang itu yang akan mengikuti latihan secara teori dan praktikal di kampus serta ladang sehingga tamat pengajian," katanya.

**Bersarkan projek**  
Mengimbau peringkat awal pembabitan, Kamaruddin menggunakan modal RM1,000 untuk membeli dua ekor kambing sebelum menetapkannya di halaman rumah kira-kira lima tahun lalu.

Beliau kemudian menggunakan hasil

diperoleh untuk membesarkan projek tanpa membuat sebarang pinjaman daripada institusi kewangan atau agensi berkaitan sehingga jumlah kambing dimiliki kini mencecah 100 ekor yang diternak secara komersial.

Kejayaan itu menarik minat pihak UniSZA yang melawat ladang ternakan beliau dan bersetuju menjadikannya tempat latihan bawah pengawasan universiti untuk pelajar.

"Pihak UniSZA juga membebankan enam ekor kambing baka Saanen yang dikatakan mampu menghasilkan susu berkualiti dan dalam kuantiti banyak," katanya.



Penternakan kambing yang diusahakan Kamaruddin semakin berkembang.



Kamaruddin memerah sa ternakannya.

[FOTO MOHAMAD]

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Global	M/SURAT:	46	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
17 OGOS 2017			



MEDIA CETAK	MEDIA ELEKTRONIK
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR
RUANGAN : Minda      M/SURAT: 31	
PERKARA	
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR
<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH	
17 OGOS 2017	

**P**ada 13 Julai lalu, penulis bersama sekumpulan rakan media bergegas ke Kampung Lebor, Gedong di Serian, selepas membuat liputan di Sri Aman sempena lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Sarawak.

Alang-alang pulang ke Kuching, kami singgah sebentar ke kampung berkenaan kira-kira jam 4 petang hari itu selepas mendapat tahu scorang kanak-kanak berusia tujuh tahun, Alicesa Loreenna disahkan meninggal dunia akibat penularan wabak rabies di negeri ini.

Alicesa adalah mangsa ketiga yang maut akibat jangkitan wabak penyakit itu pada hari berkenaan dan juga mangsa kelima keseluruhannya di Sarawak sehingga 23 Julai lalu.

Ketika di Kampung Lebor, penduduk memberitahu kami jenazah mendiang tidak dibawa ke kampung itu, sebaliknya dihantar ke rumah sanak-saudara mereka di Kuching untuk acara penghormatan terakhir sebelum dikeluarkan di Siburan.

Memandangkan jarak antara Serian dan Kuching yang mengambil masa sejam perjalanan, tugas membuat laporan kematian mendiang ketika itu penulis serahkan saja kepada rakan setugas di Kuching kerana kesuntukan masa.

Begitupun, di media sosial, berita kematian mendiang Alicesa sudah mula bertebaran merata-rata di ruang maya.

Di laman Facebook Harian Metro sendiri, pelbagai reaksi dizahirkan netizen berhubung penularan wabak penyakit anjing gila di Sarawak sejak ia dilaporkan penghujung Jun lalu.

Sebagaimana lazimnya, reaksi

## Sekat komen sensitif mangsa wabak rabies



netizen ini dipenuhi pelbagai ragam dan kerentah. Dalam kebanyakan komen, ada yang reaksi yang menjolok mata, bahkan melampau batas dengan mengomel hal sensitif, berbau perkauman serta agama.

Tidak perlu lagi penulis tulis apa kata-kata jelik yang ditujarkan segerintit netizen itu di sini, tetapi inilah bahanan media sosial sekiranya ia tidak digunakan secara berhemah.

Golongan ini semakin ramai. Mereka bukan saji berkonsep berita dengan niat jahat, diselitkan pula dengan komentar mereka yang terang menyindir dan membidas orang lain tanpa ambil peduli perasan orang lain.

Memang sukar difahami mengapa ada segelintir masyarakat yang tidak cuba memahami perasaan orang lain, ataupun cuba bertoleransi sesama insan, lebih-lebih lagi jika ia berkaitan isu perkauman dan agama.

Secara peribadi, penulis berpendapat sudah tiba masanya pihak berkuasa tegas dalam hal ini, apakah lagi jika ia memupuk rasa benci dan dendam dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara kita ini.

Kandungan berkaitan dengan imej agama, bangsa dan negara yang boleh menggugat sensitiviti masyarakat sebegini perlu dielakkan dan dibanteras. Jangan berkompromi.

Jika ia dibiararkan berlakunya, peranan media sosial sepatutnya membawa banyak manfaat positif akan memberi impak negatif kepada keamanan dan kesejahteraan negara.

Apa pun, sebaliknya penularan wabak rabies yang membimbangkan di Bumi Kenyalang ini, penulis memuji usaha kerajaan yang bertindak pantas dan berusaha keras membantu penduduk melalui program pemvaksinan, begitu juga terhadap haiwan peliharaan seperti anjing serta kucing.

Sehingga Isnin lalu, bilangan kes kumulatif gigitan haiwan yang berlaku terhadap mulai 1 April

berjumlah 2,298 kes. Secara kumulatif juga, seramai 922 orang menerima suntikan vaksin antirabies.

Bagi haiwan pula, sebanyak 30,511 haiwan sudah divaksin yang terdiri daripada 22,869 anjing, 7,597 kucing dan 45 haiwan lain seperti kera.

Senarai suntikan antirabies, khususnya untuk manusia diberikan kerajaan secara percuma kepada penduduk. Difahamkan, setiap satu suntikan membabitkan kos sebanyak RM400 dan setiap individu memerlukan tiga dos suntikan sekiranya dikesan digigit haiwan sama ada anjing atau kucing.

Jika dibandingkan dengan negara jiran yang berdepan dengan penularan wabak sama ketika ini, rakyat di negara ini bertuah kerana menerima suntikan itu secara percuma.

Seorang rakan media yang penulis kenali di Pontianak, Kalimantan di Indonesia, memberitahu, penduduk negara itu perlu membayar kos setiap suntikan antirabies jika berlaku gigitan haiwan berkenaan. Sudah berpuhul nyawa melayang sejak wabak itu menular di negara terbabit.

Bagaimanapun, penulis akur semua yang berlaku ini atas kehendak Allah SWT, tiada siapa boleh menghindari ketetapan-Nya. Bersama-sama semoga wabak rabies ini dapat dipulihkan, sekali gus mengurangkan kebimbangan penduduk terhadap ancaman penyakit yang boleh membawa maut itu.

**Penulis Ketua Biro  
Harian Metro Sarawak**